



KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692 Putrajaya

Tel. : 03-8885 1046
03-8885 1047
Faks : 03-8885 1048
Laman Web : www.bheuu.gov.my

Ruj. Kami : BHEUU/06/(S)585 Jld:3 (32)

Tarikh : 2 September 2026

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Tuan,

PERMOHONAN ULASAN BERHUBUNG DAPATAN DAN SYOR LAPORAN AKHIR KAJIAN SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG KONTRAK DI MALAYSIA

Saya dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Tuan sedia maklum, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan dan Kajian Pembaharuan Undang-Undang Kontrak di Malaysia (CRRCL) pada 14 Januari 2025 bagi mengkaji undang-undang kontrak di negara ini secara menyeluruh. Penubuhan Jawatankuasa ini telah diambil maklum oleh Jemaah Menteri pada 7 Februari 2025. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YA Hakim Mahkamah Persekutuan dan dianggotai oleh 20 orang pakar pelbagai bidang termasuk badan kehakiman, akademik, pengamal undang-undang, sektor perniagaan, serta pegawai kerajaan. Jawatankuasa diberi tempoh selama 18 bulan bagi melengkapkan kajian.

3. Jawatankuasa ini telah membentangkan Laporan Interim dan Laporan Akhir kajian kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) masing-masing pada 7 Julai 2025 dan 11 Jun 2026. YB Menteri telah membentangkan Nota Jemaah Menteri serta membuat Sesi Penerangan Menteri di Dewan Rakyat

masing-masing pada 26 Jun 2026 dan 30 Jun 2026 berhubung dapatan dan syor Laporan Akhir kajian tersebut.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, BHEUU JPM telah melaksanakan tiga sesi libat urus (SLU) bagi cadangan pembaharuan undang-undang kontrak di Malaysia peringkat Zon Sabah, Zon Semenanjung Malaysia dan Zon Sarawak masing-masing pada 14 Julai 2026, 24 Julai 2026 dan 4 Ogos 2026. SLU ini merupakan lanjutan kepada dua siri SLU yang telah diadakan sebelum ini iaitu pada 2 Oktober 2025 dan 30 Mac 2026, masing-masing berhubung cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Kontrak (Hak Pihak Ketiga) dan RUU Agensi.

5. BHEUU JPM merakamkan penghargaan atas kehadiran pihak YBhg. Datuk/Tuan atau wakil ke SLU yang telah diadakan tersebut. SLU tersebut telah menyediakan ruang kepada pihak berkepentingan untuk mendapatkan penjelasan berhubung dapatan kajian dan syor yang dikemukakan oleh CRRCL. BHEUU JPM juga telah mengambil tindakan progresif dengan menerbitkan Laporan Akhir kajian di laman sesawang rasmi BHEUU JPM yang boleh dimuat turun melalui **pautan berikut**:

<https://www.bheuu.gov.my/penerbitan/lain-lain>

6. Sehubungan itu, bagi melengkap proses SLU tersebut, BHEUU JPM memohon untuk mendapatkan ulasan dan pandangan daripada pihak YBhg. Datuk/Tuan **secara bertulis**. Pihak YBhg. Datuk/Tuan boleh mengemukakan ulasan dan pandangan mewakili agensi masing-masing kepada BHEUU JPM selewat-lewatnya pada **30 September 2026**.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/Tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

(i) Nama : Dr. Suharmi bin Ismail
Tel : 03-8885 1890 / 012-945 2239
Emel : suharmi.ismail@bheuu.gov.my

Ruj. Kami : BHEUU/06/(S)585 Jld:3 (32)

(ii) Nama : Dr. Nursyamirah binti Abd Razak
Tel : 03-8885 1222 / 018-3229634
Emel : nursyamirah.razak@bheuu.gov.my

8. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Tuan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zamri', is written over a horizontal line.

(DATUK ZAMRI BIN MISMAN)

SENARAI EDARAN

1. **YBRS. TUAN ANAND RAJ**

President

Malaysian Bar

Wisma Badan Peguam Malaysia

No. 2 Leboh Pasar Besar

50050 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2050 2050

E-mel : president@malaysianbar.org.my
tariq@malaysianbar.org.my

2. **YBHG. DATUK MOHAMED NAZIM BIN MADUARIN, JP**

President

Sabah Law Society (SLS)

Suite No. 6-6-11, Tingkat 6, Menara MAA, No. 6

Lorong Api-API 1, Kota Kinabalu

88000 SABAH

Emel: admin@sabahlawsociety.org

3. **MR. GURVIR SINGH SANDHU**

President

The Advocates Association of Sarawak

The Bar Room, Kompleks Mahkamah Miri

Jalan Merdu, P.O. Box 1695, Miri

98008 SARAWAK

Emel: contact@sarawakadvocates.com.my